

EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang Ucap Tahniah kepada Dato' Nicol Ann David



Syabas dan tahniah diucapkan kepada bekas ratu skuasy negara, Dato' Nicol Ann David yang telah dinobatkan sebagai pemegang 'Anugerah Atlet Terunggul Sepanjang Zaman Sukan Dunia' baru-baru ini.

Kejayaan beliau membuktikan usaha dan pengorbanan beliau dalam bidang sukan selama ini. Beliau juga telah menjadi teladan yang baik kepada generasi muda untuk terus melangkah dan berjuang dalam bidang yang diminati.

Pencapaian Dato' Nicol telah membawa motivasi serta pengaruh yang kuat kepada seluruh rakyat Malaysia terutamanya atlet-atlet sukan untuk berjuang dan berusaha meningkatkan prestasi sukan serta mengharumkan nama Malaysia di arena sukan antarabangsa.

Dato' Nicol juga dikenali sebagai lagenda ratu skuasy negara dan professional negara. Beliau juga merupakan anak jati Negeri Pulau Pinang. Pusat Skuasy Bukit Dumber telah dinamakan semula sebagai Pusat Skuasy Antarabangsa Nicol David pada tahun 2010 sebagai salah satu pengiktirafan terhadap pencapaian Dato' Nicol.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil berat terhadap pembangunan sukan. Saya berharap supaya pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat bekerjasama rapat dengan Dato' Nicol David untuk menganjurkan lebih banyak program sukan bagi meningkatkan lagi prestasi sukan di negeri Pulau Pinang.